A **TENAGA NASIONAL BHD lwn. PLASTIK V SDN BHD**

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SHAH ALAM
HASHIM HAMZAH H
[RAYUAN SIVIL NO: 12B-150-04-2014]
23 SEPTEMBER 2014

B

KETERANGAN: *Anggapan – Anggapan bertentangan – Kegagalan memanggil saksi material – Sama ada anggapan bertentangan timbul – Akta Keterangan 1950, s. 114(g)*

C ***KETERANGAN:*** *Saksi – Penyataan saksi – Persamaan ketara dalam penyataan saksi-saksi – Perbincangan dengan peguam dalam menyediakan pernyataan saksi – Penyataan saksi mengandungi keterangan dengar cakap – Sama ada nilai keterangan meragukan*

UTILITI-UTILITI: *Elektrik – Bayaran elektrik – Usikan meter menyebabkan* D *rekod penggunaan elektrik kurang daripada kegunaan sebenar – Sama ada TNB perlu membuktikan siapa yang melakukan usikan – Sama ada pengguna mempunyai akses kepada bilik pepasangan meter*

Responden adalah pengguna elektrik yang berdaftar dengan perayu. Sepasukan pegawai TNB yang diketuai oleh SP1 telah membuat pemeriksaan E pepasangan meter di premis responden dan telah mendapati bahawa terdapat usikan pada pepasangan meter yang mengakibatkan meter gagal merekodkan bacaan tepat. Perayu mendapati bahawa jumlah penggunaan tenaga elektrik yang tidak direkodkan adalah sebanyak RM280,237.98 dan telah menuntut jumlah tersebut daripada responden di bawah s. 38(3) Akta Bekalan Elektrik F 1990. Hakim Mahkamah Sesyen ('HMS') telah mendapati percanggahan keterangan antara SP1, SP2, SP3 dan SP4 berkaitan siapa yang melakukan pemeriksaan premis tersebut. SP1 telah memberi keterangan bahawa tiga orang terlibat dalam pemeriksaan iaitu SP1 sendiri, SP3 dan Nasruddin (yang tidak dipanggil sebagai saksi). Peranan SP3 adalah sebagai jurugambar G manakala SP4 pula menyatakan bahawa hanya SP1, SP3 dan Nasruddin yang membuat pemeriksaan. Memandangkan SP1 tidak boleh membuat apa-apa keputusan, maka HMS telah memutuskan bahawa keterangan Nasruddin adalah penting dan telah membangkitkan anggapan di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950 ('s. 114(g)') atas kegagalan pihak perayu memanggil H Nasruddin untuk memberi keterangan. HMS juga telah mendapati bahawa pepasangan meter tersebut terletak di bilik pepasangan meter di dalam kawasan kilang defendan. Bilik tersebut berstruktur konkrit serta berkunci. Kunci serta mangga kepada pintu tersebut adalah kepunyaan TNB dan hanya orang yang diberikan kuasa sahaja dibenarkan masuk. Bilik pepasangan meter itu dikawal selia oleh TNB. Tiada keterangan bahawa terdapat kesan pecah I atau umpilan kepada mangga atau pintu bilik pepasangan meter tersebut. Perayu menghujahkan bahawa kunci tersebut bukanlah terlalu istimewa sehingga tidak boleh dibuka oleh sesiapa kecuali pihak perayu. Perayu juga

menghujahkan bahawa ia tidak perlu membuktikan identiti pihak yang melakukan pengusikan mana-mana pepasangan meter dalam membuat tuntutan di bawah s. 38 Akta Bekalan Elektrik 1990. Responden telah membangkitkan isu berkaitan pernyataan saksi-saksi perayu di mana terdapat persamaan yang ketara dalam jawapan saksi SP1, SP2, SP3 dan SP4. Perkataan demi perkataan dalam jawapan mereka adalah sama. Saksi-saksi tersebut tidak menafikan terdapat perbincangan dengan peguam dalam menyediakan pernyataan saksi ini. HMS telah menolak tuntutan perayu dan perayu telah merayu terhadap keputusan tersebut.

Diputuskan (menolak rayuan dengan kos):

(1) Walaupun terdapat percanggahan dalam keterangan saksi berkaitan peranan SP2, tetapi Nasruddin bukanlah saksi material dalam kes ini hingga membangkitkan anggapan di bawah s. 114(g) atas kegagalan memanggilnya untuk memberi keterangan. Walaupun SP2 terlibat dengan pemeriksaan tetapi peranannya hanyalah membantu SP1. (perenggan 10)

(2) Adalah tidak perlu bagi perayu membuktikan siapa yang mengusik pepasangan meter tersebut tetapi dalam membuat keputusan, setiap kes mempunyai faktanya yang tersendiri dan memerlukan penelitian mahkamah. Dalam setiap kes sivil, beban adalah atas perayu untuk membuktikan kesnya atas imbangan kebarangkalian. (perenggan 14)

(3) Responden tidak mempunyai akses kepada bilik pepasangan meter tersebut. Kunci adalah dipegang oleh orang yang diberikan kuasa iaitu pegawai yang dilantik oleh TNB. Oleh itu, bagaimana pepasangan meter boleh terusik dengan keadaan pintu dan kunci dalam keadaan baik dan tiada kesan pecah pada pintu dan umpilan pada mangga di pintu tersebut. Saksi inilah yang perlu dipanggil oleh perayu untuk memberi keterangan sama ada kunci ini adalah kunci yang ditempah khas oleh TNB ataupun anak kuncinya boleh dibuat pendua. Kegagalan memanggilnya yang sepatutnya membangkitkan anggapan di bawah s. 114(g). (perenggan 16 & 17)

(4) Memandangkan pernyataan saksi akan menjadi keterangan saksi dalam pemeriksaan utama, pernyataan saksi adalah tertakluk kepada apa yang dilihatnya, dengar dan sebagainya sepertimana jika dia memberi keterangan secara lisan di mahkamah. Jika tidak, pernyataan saksi tersebut boleh dicabar terutamanya jika melibatkan keterangan dengar cakap dan lain-lain lagi. (perenggan 21)

(5) Saksi-saksi perayu tidak dapat memberikan jawapan yang konkrit kenapa pernyataan saksi mereka berkaitan pemeriksaan premis adalah sama. Terdapat perbincangan antara saksi yang dikendalikan oleh peguam dan jawapan kepada soalan dalam pernyataan saksi tersebut adalah gabungan ketiga-tiga saksi. Oleh itu, pernyataan saksi-saksi

perayu adalah disyaki dan perlu diteliti sewajarnya dari segi penerimaannya daripada aspek nilai keterangannya kerana walaupun keempat-empat mereka memasuki premis tersebut dan membuat pemeriksaan, tetapi kedudukan serta jarak mereka antara satu sama lain tidak memungkinkan mereka dapat memberikan keterangan tentang apa yang mereka lihat dengan sama. Oleh itu, nilai keterangan saksi-saksi SP1, SP2, SP3 dan SP4 adalah meragukan. (perenggan 22)

Kes-kes yang dirujuk:

Arab-Malaysian Finance Bhd v. Steven Phoa Cheng Loon & Ors [2003] 1 CLJ 585 CA ***(dirujuk)***

Claybricks & Tiles Sdn Bhd lwn. Tenaga Nasional Bhd [2006] 4 CLJ 892 CA ***(dirujuk)***

Ichi-Ban Plastic (M) Sdn Bhd v. Tenaga Nasional Berhad [2014] 1 LNS 750 CA ***(dirujuk)***

Munusamy Vengadasalam v. PP [1987] 1 CLJ 250; [1987] CLJ (Rep) 221 SC ***(dirujuk)***

Sumbang Projeks Sdn Bhd v. Tenaga Nasional Bhd [2014] 4 CLJ 323 CA ***(dirujuk)***

Tenaga Nasional Berhad v. Ichi-Ban Plastic (M) Sdn Bhd [2013] 1 LNS 389 HC ***(dirujuk)***

WRP Asia Pacific Sdn Bhd v. Tenaga Nasional Bhd [2012] 4 CLJ 478 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Electricity Supply Act 1990, s. 38(3)
Evidence Act 1950, ss. 60, 114(g)
Rules of Court 2012, O. 38 r. 2(1)

Bagi pihak perayu – Shamsul Bahrin Manaf (Maizura Mohamed Amin bersamanya); T/n Mohanadass Partnership
Bagi pihak responden – Raguraman Shanmugam; T/n Raman & Co

Dilaporkan oleh Amutha Suppayah

PENGHAKIMAN

Hashim Hamzah H:

[1] Ini adalah rayuan daripada perayu, Tenaga Nasional Bhd (selepas daripada ini dirujuk sebagai "TNB") terhadap keseluruhan keputusan Hakim Mahkamah Sesyen pada 3 April 2014 yang telah menolak tuntutan perayu dengan kos. Tuntutan perayu adalah berkaitan kehilangan hasil akibat daripada pengusikan kepada pepasangan meter di premis responden. Tuntutan adalah berasaskan kepada s. 38(3) Akta Bekalan Elektrik 1990. Untuk memudahkan pemahaman kes ini, berikut dinyatakan secara ringkas latar belakang kes ini.

Latar Belakang Kes

[2] Responden adalah merupakan pengguna elektrik yang berdaftar dengan perayu melalui akaun pengguna No. 0140 00384730 02 atas nama Plastik V Sdn Bhd yang terletak di Lot 8595, Jalan Langat Batu 6 1/2, Kg Air Hitam, 41200 Klang, Selangor.

[3] Pada 12 Oktober 2011 sepasukan pegawai TNB yang diketuai oleh SP1 telah membuat pemeriksaan pepasangan meter di premis responden. Hasil daripada pemeriksaan tersebut mendapati bahawa terdapat pengusikan

pada pepasangan meter yang mengakibatkan meter gagal merekodkan bacaan yang tepat selaras dengan bekalan elektrik yang dibekalkan oleh TNB. Butiran pengusikan adalah seperti berikut:

(i) Pendawaian fasa biru pada terminal meter utama dan semak telah diterbalikkan di mana pendawaian S1 telah diletakkan pada pendawaian S2;

(ii) Julat ralat kejituan adalah terlalu tinggi, dengan purata bacaan -66.946% bagi meter utama dan -66.979% bagi meter semak;

(iii) Phasor diagram menunjukkan bahawa arus bagi fasa biru tidak mengalir secara normal tetapi terbalik sebanyak 180°;

(iv) Didapati sil bit pada terminal cover kedua-dua meter palsu (LP115).

[4] Berdasarkan pengusikan yang didapati, pihak perayu melalui SP2 telah membuat pengiraan kebelakang dan mendapati bahawa jumlah penggunaan tenaga elektrik yang tidak direkodkan adalah sebanyak RM280,237.98 untuk tempoh 1 April 2011 hingga 12 Oktober 2011 dan menuntut jumlah tersebut daripada responden.

[5] Dalam mempertimbangkan rayuan kes ini, mahkamah mengambil maklum mengenai prinsip am berkaitan campur tangan di peringkat rayuan di dalam sesuatu pertikaian serta kecualian kepada prinsip am di mana campur tangan dibenarkan dalam keadaan tertentu. Sila lihat kes *Arab-Malaysian Finance Bhd v. Steven Phoa Cheng Loon & Ors* [2003] 1 CLJ 585; [2003] 1 MLJ 567 yang menyatakan bahawa:

> The appellate approach
>
> *There are several statements of high authority as to the proper approach that a court of appeal should adopt towards the exercise of its appellate power in a case as the present. These cases fall into two broad categories. First, those that set out the general rule, and second, those that provide broad cases of exceptions.* As to the general rule, there are numerous decisions in point. But we find it sufficient to quote from only two of them.
>
> In *Clarke v. Edinburgh Tramways* (1919) SC (HL) 35 at p 36, Lord Shaw of Dunfermline, in a passage referred to on numerous occasions by our courts, said:
>
> > When a judge hears and sees witnesses and makes a conclusion or inference with regard to what on balance is the weight of their evidence, that judgment is entitled to great respect, and that quite irrespective of whether the trial judge makes any observations with regard to credibility or not. I can of course quite understand a Court of Appeal that says that it will not interfere in a case in which the judge has announced as part of his judgment that he believes one set of witnesses, having seen them or heard them, and does not believe another. But that is not the ordinary case of a cause in a court of justice. In the courts of justice, in the ordinary

A case, things are more evenly divided: witnesses without any conscious bias towards a conclusion may have in their demeanour, in their manner, in their hesitation, in the nuance of their expressions, in even the turns of the eyelid, left an impression upon the man who saw and heard them, which can never be reproduced in the printed page. What in the circumstances, thus
B psychologically put, is the duty of the appellate court? In my opinion, the duty of an appellate court in those circumstances is for each judge of it to put himself, as I now do in this case, the question: am I - who sit here without the advantages, sometimes broad and sometimes subtle, which are the privilege of the judge who heard and tried the case - in a position, not having those
C privileges, to come to a clear conclusion that the judge who had them was plainly wrong? If I cannot be satisfied in my own mind that the judge with those privileges was plainly wrong, then it appears to me to be my duty to defer to his judgment.

The second case is *Powell and wife v. Streatham Manor Nursing Home* [1935]
D AC 243 at p 249, where Viscount Sankey LC said this:

What then should be the attitude of the Court of Appeal towards the judgment arrived at in the court below under such circumstances as the present? It is perfectly true that an appeal is by way of rehearing, but it must not be forgotten that the Court
E of Appeal does not rehear the witnesses. It only reads the evidence and rehears the counsel. Neither is it a reseeing court. There are different meanings to be attached to the word 'rehearing'. For example, the rehearing at Quarter Sessions is a perfect rehearing because, although it may be the defendant who is appealing, the complainant starts again and has to make out his case and call his
F witnesses. The matter is rather different in the case of an appeal to the Court of Appeal. There the onus is upon the appellant to satisfy the court that his appeal should be allowed. There have been a very large number of cases in which the law on this subject has been canvassed and laid down. There is a difference between the manner in which the Court of Appeal deals with a judgment
G after a trial before a judge alone and a verdict after a trial before a judge and jury. On an appeal against a judgment of a judge sitting alone, the Court of Appeal will not set aside the judgment unless the appellant satisfies the court that the judge was wrong and that his decision ought to have been the other way.

H *So, it may be seen that as a general rule appellate interference is only in rare cases. Whether a particular case is a 'rare case' depends on its nature. And we would emphasize that the categories of cases in which appellate interference is warranted is not closed though there already exists a list of established categories in which appellate interference may be warranted.* It is unnecessary for us to go through all of them here. We need only make reference to three authorities on the
I point.

The first is *Sivalingam a/l Periasamy v. Periasamy & Anor* [1995] 3 MLJ 395 at p 398, where this court said:

It is trite law that this court will not readily interfere with the findings of fact arrived at by the court of first instance to which the law entrusts the primary task of evaluation of the evidence. But we are under a duty to intervene in a case where, as here, the trial court has so fundamentally misdirected itself, that one may safely say that no reasonable court which had properly directed itself and asked the correct questions would have arrived at the same conclusion.

The second is *Boonsom Boonyanit v. Adorna Properties Sdn Bhd* [1997] 2 MLJ 62 at p 77, :

It is trite that, apart from applying the standard of proof required by law, a trier of fact, in order to arrive at a decision according to law, must judicially appreciate the evidence led before him upon the issue called for resolution. A decision arrived in the absence of a judicial appreciation of evidence is liable to appellate correction. Judicial appreciation is concerned with the process of evaluating the evidence for the purpose of discovering where the truth lies in a particular case. It includes, but is not limited to, identifying the nature and quality of the evidence, assigning such weight to it as the trier of fact deems appropriate, testing the credibility of oral evidence against contemporaneous documents as well as the probabilities of the case and assessing the demeanour of witnesses.

The third is *Onassis and Calogeropoulos v. Vergottis* [1968] 2 Lloyd's Rep 403 at p 430, where Lord Pearce in his dissenting speech said:

The function of a Court of Appeal is to set aside a judgment that should not be allowed to stand because it occasions a substantial wrong or miscarriage of justice. That wrong or miscarriage of justice may consist of a judgment in favour of the wrong party. It may also consist of a failure in the judicial process to which both parties are entitled as of right, namely, the weighing of their respective cases and contentions. Such failure may constitute a wrong or miscarriage of justice even though it may appear that the appellant may in the end fail to secure a judgment in his favour: but the fact that the right party seems to have succeeded in the court below will naturally make a Court of Appeal extremely reluctant to interfere, and it would only do so in the rarest cases. Such matters are questions of degree.

It is with these principles in mind that we now turn to address these appeals.

(Penekanan ditambah)

Isu Yang Dibangkitkan Semasa Rayuan

[6] Meneliti hujah daripada pihak perayu, terdapat dua alasan utama untuk dipertimbangkan oleh mahkamah ini berdasarkan alasan penghakiman oleh Hakim Mahkamah Sesyen. Alasan pertama adalah anggapan di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950 yang dibangkitkan atas kegagalan pihak perayu memanggil seorang bernama Nasruddin untuk memberi keterangan. Keduanya di mana Hakim Mahkamah Sesyen yang bijaksana memberikan penekanan terhadap isu akses ke atas premis di mana pepasangan meter tersebut berada.

Isu Pertama

[7] Berkaitan isu pertama, Hakim Mahkamah Sesyen di dalam alasannya menyatakan bahawa terdapat percanggahan keterangan di antara SP1, SP2, SP3 dan SP4 berkaitan siapa yang melakukan pemeriksaan premis tersebut. SP1 di dalam keterangannya menyatakan bahawa tiga orang terlibat dalam pemeriksaan iaitu SP1 sendiri, SP3 dan Nasruddin (tidak dipanggil sebagai saksi). Peranan SP3 adalah sebagai jurugambar. Manakala SP4 pula menyatakan bahawa hanya tiga orang sahaja membuat pemeriksaan iaitu SP1, SP3 dan Nasruddin. Lanjutan daripada itu Hakim Mahkamah Seksyen juga di dalam alasan penghakimannya menyatakan bahawa daripada keterangan, SP1 tidak boleh membuat apa-apa keputusan dan kata putus hanya boleh dibuat oleh SP2 tetapi keterangan menunjukkan bahawa SP2 tidak melakukan pemeriksaan dan dalam keadaan yang demikian, menurut Hakim Mahkamah Sesyen lagi, keterangan Nasruddin adalah penting.

[8] Peguam responden dalam hujahnya telah menonjolkan percanggahan tersebut seperti berikut:

(i) Keterangan SP1

DC : Berapa ramai yang buat inspection?

PW1 : 3 orang.

DC : Buat inspection seorang-seorang?

PW1 : Kita buat inspection by group.

DC : Macam mana buat by group?

PW1 : Masing-masing dah diberi tugas. Tak boleh kata seorang masuk buat then keluar then seorang lagi masuk dan keluar.

DC : Tugas En. Kamarul?

PW1 : Untuk buat pemeriksaan pepasangan meter dan isi borang.

DC : Radhi?

PW1 : Jurugambar.

DC : Radhi tak lakukan sebarang pemeriksaan?

PW1 : Tidak.

DC : En. Nasruddin?

PW1 : Membantu saya membuat pemeriksaan.

[Nota Keterangan SP1 ms 14 soalan 36-42 Rekod Rayuan (Bahagian A - Jilid 1)]

(ii) Keterangan SP3 semasa disoal-balas

DC : Siapa yang buat pemeriksaan?

PW3 : Kamarul dibantu oleh Nasruddin.

DC : Adakah ini awak lihat sendiri?

PW3 : Ya.

DC : Orang lain tak periksa?

PW3 : Beri arahan.

[Nota Keterangan SP3 ms 35 soalan 30-32 Rekod Rayuan (Bahagian A - Jilid 1)]

(iii) Keterangan SP4

DC : Siapa yang lakukan pemeriksaan?

PW4 : Pasukan pemeriksaan TNB.

DC : Siapa?

PW4 : Kamarul, Radhi dan Nasruddin.

DC : Hanya 3 orang ini sahaja?

PW4 : Ya.

[Nota Keterangan SP4 ms 39 soalan 35-37 Rekod Rayuan (Bahagian A - Jilid 1)]

(iv) Tetapi, SP2 dalam keterangannya menyatakan seperti berikut:

DC : Pada 12.10.2011, siapa yang masuk ke bilik TNB untuk buat pemeriksaan?

PW2 : Pasukan pemeriksaan - Kamarul, Radhi, Nasruddin, Hasanol, saya dan beberapa pekerja TNB yang lain.

DC : Berapa ramai?

PW2 : Saya tak ingat tapi lebih kurang 10 orang.

DC : Luas ke bilik ni?

PW2 : Untuk 10 orang muat lah.

DC : Siapa yang buat pemeriksaan?

PW2 : Kamarul, Radhi, Nasruddin, pasukan pemeriksaan pada hari itu.

DC : Yang lain?

PW2 : Turut sama.

DC : Siapa yang buat keputusan terdapat pengusikan?

PW2 : Saya.

DC : Rujuk P1. Setuju jika saya katakan hanya orang yang lakukan pemeriksaan yang boleh isi P1?

PW2 : Setuju.

DC : Borang ini diisi oleh 3 orang?

PW2 : Yang memeriksa 3, yang isi borang seorang.

DC : Bila borang diisi?

PW2 : Tarikh pemeriksaan.

DC : Berapa orang lakukan pemeriksaan?

PW2 : 5 orang. Kumpulan pemeriksaan ada 3 orang.

DC : Siapa isi borang?

PW2 : Kamarul.

DC : Kata putus pada hari itu adalah pada awak?

PW2 : Ya.

DC : Oleh kerana tanggungjawab begitu, sudah tentulah awak buat pemeriksaan?

PW2 : Ya.

DC : Maknanya SP1 akan nampak awak buat pemeriksaan?

PW2 : Ya.

[Nota Keterangan SP2 ms 28 soalan 83-116 Rekod Rayuan (Bahagian A - Jilid 1)]

[9] Berkaitan isu ini, prinsip yang digariskan oleh Mahkamah Agong di dalam kes *Munusamy Vengadasalam v. PP* [1987] 1 CLJ 250; [1987] CLJ (Rep) 221 adalah jelas:

> It is essential to appreciate the scope of s. 114(g) lest it be carried too far outside its limit. Adverse inference under that illustration can only be drawn if there is withholding or suppression of evidence and not merely on account of failure to obtain evidence. It may be drawn from withholding not just any document, but material document by a party in his possession, or for non-production of not just any witness but an important and material witness to the case.

[10] Adalah jelas bahawa walaupun terdapat percanggahan dalam keterangan saksi berkaitan peranan SP2, tetapi Nasruddin bukanlah saksi material di dalam kes ini hingga membangkitkan anggapan di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950 atas kegagalan beliau dipanggil untuk memberi keterangan. Walaupun beliau terlibat dengan pemeriksaan tetapi peranan beliau hanyalah membantu SP1. Ini dijelaskan dengan nyata dalam keterangan SP1 sendiri. Tidak ada salahnya SP2 bertindak atas hasil pemeriksaan daripada SP1 disebabkan beliau juga terlibat di dalam pemeriksaan tersebut

kemungkinan dengan peranan yang berbeza. Jika diteliti keterangan pernyataan saksi SP2 di soalan 11, SP2 ada menerangkan mengenai hasil pemeriksaan dan ujian kepada wakil defendan (rujuk ms. 91 rekod rayuan bahagian C dan D jilid 2) dan keterangan ini disokong oleh saksi SP1 di soalan 18 (rujuk ms. 85 rekod rayuan bahagian C dan D jilid 2). Percanggahan di dalam keterangan saksi-saksi adalah perkara biasa kerana tiada dua saksi akan memberi keterangan yang sama.

Isu Kedua

[11] Isu kedua adalah berkaitan akses kepada bilik di mana pepasangan meter tersebut dipasang. Jika diteliti keterangan saksi SP1 sendiri, pepasangan meter tersebut terletak di bilik pepasangan meter yang terdapat di dalam kawasan kilang defendan. Ia dapat dilihat dengan jelas di ms. 146, 175 dan 176 di dalam rekod rayuan (bahagian B dan C-jilid 2). Bilik tersebut adalah berstruktur konkrit dengan daun pintunya berkunci. Akses ke bilik pepasangan meter ini adalah melalui satu pintu. Kunci serta mangga kepada pintu tersebut adalah kepunyaan TNB dan hanya AP (authorised person) sahaja, mengikut keterangan SP1 dibenarkan masuk. Keterangan SP1 yang berkaitan adalah seperti berikut:

DC : Rujuk pada penjelasan di gambar di bawah ini. Apa yang dimaksudkan dengan AP?

PW1 : Authorised person.

DC : Siapa AP?

PW1 : Orang ini special person yang dilantik oleh TNB untuk buat kerja masing-masing.

DC : Kenapa awak tak boleh buka?

PW1 : Sebab saya tak boleh buka.

DC : Adakah AP ini senior person?

PW1 : Ya.

DC : Selain AP, orang lain tak boleh masuk?

PW1 : Tak boleh.

DC : Yalah sebab awak sendiri tak boleh masuk?

PW1 : Ya.

DC : Kunci abloy ini apa?

PW1 : Kunci yang ditempah khas oleh TNB.

[Nota keterangan SP1 ms 16 soalan 66-73 Rekod Rayuan (Bahagian A - Jilid 1)]

[12] Bilik pepasangan meter ini dikawal selia oleh TNB. Tiada keterangan daripada saksi-saksi plaintif yang menunjukkan bahawa terdapat kesan pecah atau umpilan kepada mangga atau pintu bilik pepasangan meter tersebut. Keterangan saksi SP2 berkaitan isu ini adalah seperti berikut:

DC : Adakah Encik berada di situ ketika sampai di premis defendan, di TNB meter room sampai sebelum mangga dibuka?

PW2 : Ya.

DC : Rujuk muka surat 19, gambar atas. Adakah itu meter room yang dimaksudkan?

PW2 : Ya.

DC : Adakah nampak mangga itu dirosakkan atau diusik?

PW2 : Tidak.

DC : Mangga dalam keadaan normal

PW2 : Ya.

DC : Ada tanda-tanda pintu dirosakkan atau dipecahkan?

PW2 : Tidak.

DC : Nampak apa-apa tanda pecah masuk?

PW2 : Tidak.

DC : Siapa yang buka mangga?

PW2 : Seperti gambar di muka surat 19, pekerja TNB yang saya tak ingat namanya.

DC : Selain AP, orang lain boleh tak buka mangga ni?

PW2 : Sepatutnya tidak.

[Nota keterangan SP1 ms 27 soalan 67-74 Rekod Rayuan (Bahagian A - Jilid 1)]

[13] Peguam perayu pula menghujahkan bahawa kunci tersebut bukanlah satu kunci yang terlalu istimewa sehingga tidak boleh dibuka oleh sesiapapun kecuali pihak perayu dan meletakkan beban membuktikan bahawa kunci tersebut adalah istimewa kepada pihak responden. Tetapi persoalan utama masih tidak dijawab. Jika bilik pepasangan meter tersebut berkunci dengan mangga dan kunci tersebut dipegang oleh pihak TNB sendiri dan seterusnya tiada kesan pecah masuk, bagaimana pepasangan meter boleh terusik. Pihak peguam perayu menghujahkan bahawa isu ini adalah tidak relevan langsung kepada tuntutan perayu. Perayu tidak perlu membuktikan identiti pihak yang melakukan pengusikan mana-mana pepasangan meter sebelum perayu dibolehkan untuk membuat tuntutan di bawah s. 38 Akta Bekalan Elektrik 1990. Peguam perayu yang terpelajar telah merujuk kepada kes *Tenaga Nasional Berhad v. Ichi-Ban Plastic (M) Sdn Bhd* [2013] 1 LNS 389 di mana Hakim YA Zakaria Sam (pada masa itu) menyatakan bahawa:

> 17. Under s. 38(3) the duty to pay for the loss of revenue is on the consumer not the convicted. Prosecution or conviction under s. 37(1) or (3) or (14) is not a prerequisite before a claim under s. 38(3) can be instituted.

> 18. The rationale is that a consumer should pay for the loss of revenue, is because the consumer is the one who has derived the benefit from the unrecorded electricity usage. This subsection is premised on the principle of unjust enrichment.
>
> 19. Hence, there is no requirement to establish that the defendant was the one who interfere with the metering equipment. All the sub-sections indicate is that the defendant was the ones who had derived benefit and enrichment from the situation.
>
> 20. S. 37 deals with offender who tampers with the meter. A consumer is not necessary the offender. A consumer may be innocence of the tampering act but if a consumer benefitted from the tampering he had to pay for the underbilling.

Rujuk kes *Claybricks & Tiles Sdn Bhd lwn. Tenaga Nasional Bhd* [2006] 4 CLJ 892 dan juga *WRP Asia Pacific Sdn Bhd v. Tenaga Nasional Bhd* [2012] 4 CLJ 478 berkaitan isu ini.

[14] Mahkamah ini bersetuju dengan keputusan kes di atas bahawa adalah tidak perlu bagi perayu membuktikan siapa yang mengusik pepasangan meter tersebut tetapi dalam membuat keputusan, setiap kes mempunyai faktanya yang tersendiri dan memerlukan penelitian mahkamah ini. Di dalam setiap kes sivil, beban adalah kepada pihak perayu untuk membuktikan kesnya atas imbangan kebarangkalian kecuali kes frod di mana bebannya adalah lebih tinggi iaitu tanpa keraguan yang munasabah. Di dalam kes *Sumbang Projeks Sdn Bhd v. Tenaga Nasional Bhd* [2014] 4 CLJ 323 Mahkamah Rayuan menyatakan bahawa:

> [47] It is trite law that in a civil claim the legal burden rests throughout with the plaintiff to prove its claim. Until and unless the plaintiff discharges its legal and evidentiary burden of proving its claim, the burden does not shift to the defendant to prove its defence, no matter how weak the defence might be (see: *Selvaduray v. Chinniah* [1939] 1 LNS 107; [1939] MLJ 253 CA, *UN Pandey v. Hotel Marco Polo Pte Ltd* [1978] 1 LNS 223; [1980] 1 MLJ 4, *Sundram Ramasamy v. Arujunan Arumugam & Anor* [1994] 4 CLJ 300 and *Syed Mohamed Syed Alwi & Ors v. Shariffah Badariah Alwi Al-Attas & Ors & Other Cases* [2009] 1 LNS 1234).

[15] Kes *Ichi-Ban* tadi telah dirayu ke Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Rayuan telah dalam penghakimannya di dalam *Ichi-Ban Plastic (M) Sdn Bhd v. Tenaga Nasional Berhad* [2014] 1 LNS 750 menyatakan seperti berikut:

> [17] Although we agreed with the finding of the learned Judge on the first-mentioned issue on there being no legal requirement for a prior prosecution and conviction under s. 37 before a claim for loss of revenue could be brought under s. 38, we nevertheless allowed the appeal after hearing submissions and considering the totality of the pleaded case and the evidence on record, as against the findings of the learned Judge. We were of the considered view that there was a non-direction and misdirection by the learned Judge on the facts and the law, although we could not agree with the contention by counsel for Ichi-Ban that the standard of proof for the alleged tampering of the metering equipment

had to be proof beyond reasonable doubt. In our view, even on the standard of balance of probabilities, TNB had failed to prove the alleged offence of tampering by Ichi-Ban, as pleaded by TNB, and further, to support and prove the quantum of damages. We could not agree with the broad finding that irrespective of how the case was pleaded, a s. 38 claim could be supported as being premised on the principle of unjust enrichment *simpliciter*. We could not agree that there was no requirement to prove *mens rea* in all situations falling under a s. 38 claim. Much would depend, in our view, on how the case was pleaded and the evidence led both on the issues of liability and quantum of damages.

[16] Di dalam kes ini, pihak responden sendiri tidak mempunyai akses kepada bilik pepasangan meter tersebut malah berdasarkan keterangan daripada saksi DW1 sendiri beliau menyatakan semasa disoalbalas bahawa mereka tidak menyimpan kunci kepada bilik pepasangan meter tersebut. Keterangan berkaitan adalah seperti berikut:

PC1 : Refer to Question 20 - The TNB room is locked with a custom made abloy lock and the key to this lock is only kept by certain authorised TNB personnel. How do you know it's special?

DW1 : Because we don't have the key.

PC1 : Tapi macam mana tau special?

DW1 : Because before this TNB came and they have to wait for other TNB to come.

PC1 : That is TNB procedure. How do you know it is special?

DW1 : Because sometimes there is problem with electricity, TNB people have to wait for authorised person to come and open the lock

[Nota keterangan DW1 ms 46 soalan 45-46 Rekod Rayuan (Bahagian A - Jilid 1)]

[17] Daripada keterangan saksi-saksi sama ada dari pihak perayu ataupun pihak responden, mereka mengesahkan bahawa kunci adalah dipegang oleh AP iaitu pegawai yang dilantik oleh TNB. Malah dalam keterangan SP1 sendiri, beliau menyatakan bahawa beliau tidak memegang kunci tersebut dan tidak dapat masuk ke dalam bilik pepasangan meter tersebut disebabkan kunci hanya dipegang oleh AP. Oleh itu bagaimana pepasangan meter boleh terusik dengan keadaan pintu dan kunci dalam keadaan baik dan tiada kesan pecah pada pintu dan umpilan pada mangga di pintu tersebut. Pada hemat mahkamah ini, saksi inilah yang perlu dipanggil oleh perayu untuk memberi keterangan sama ada kunci ini adalah kunci yang ditempah khas oleh TNB ataupun anak kuncinya boleh dibuat pendua. SP1 tidak mungkin dapat menjelaskan perkara ini kerana beliau bukan AP atau orang yang dalam miliknya kunci tersebut. Kegagalan memanggil AP inilah yang sepatutnya membangkitkan anggapan di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950.

Isu Tambahan

[18] Pihak peguam responden ada membangkitkan isu berkaitan pernyataan saksi-saksi perayu (witness statement) di mana terdapat persamaan yang ketara di dalam jawapan saksi SP1, SP2, SP3 dan SP4 di mana terdapat perkataan demi perkataan dalam jawapan mereka adalah sama. Isu ini tidak disentuh oleh Hakim Mahkamah Sesyen di dalam alasan penghakiman beliau. Alasan yang diberikan oleh saksi-saksi atas kesamaan keterangan mereka adalah seperti berikut:

Keterangan SP2

DC : Siapa buat kenyataan saksi?

PW2 : Saya.

DC : Cara bagaimana kenyataan saksi dibuat semua Encik yang buat?

PW2 : Format disediakan oleh peguam tapi jawapan saya yang sediakan.

DC : **Ketika sediakan witness statement ini saksi lain ada bersama tak?**

PW2 : **Tiada.**

DC : **Kenapa jawapan itu identical dengan PW1?**

PW2 : **Taktau.**

[Nota Keterangan SP2 ms 24 soalan 22, 23, 26 dan 35 Rekod Rayuan (Bahagian A - Jilid 1)]

Keterangan SP3

DC : Kenapa jawapan sama dengan Kamarul dan Abdul Muhaymin?

PW3 : **Jawapan diberi secara perbincangan.**

DC : Jawapan itu yang awak beri?

PW3 : **Gabungan ketiga-tiga. Nasruddin pun ada.**

DC : Di mana bergabung dan berbincang?

PW3 : TNB Sentral Dua di Brickfields.

DC : **So awak, Kamarul, Radhi, Muhaymin dan lawyer duduk berbincang?**

PW3 : **Ya.**

(Penekanan ditambah)

[Nota Keterangan SP2 ms 34 soalan 20-23 Rekod Rayuan (Bahagian A - Jilid 1)]

Keterangan SP4

DC : Bila berikan jawapan ini?

PW4 : Semasa perbincangan dengan peguam.

DC : Di mana?

PW4 : Pejabat TNB, Bangunan Dua Sentral.

DC : **Ketika perbincangan dengan peguam ada sesiapa bersama?**

PW4 : **Tiada.**

DC : **Jawapan awak dengan Kamarul, Radhi dan Muhaymin adalah sama. Macamana awak berempat boleh bagi jawapan yang sama?**

PW4 : **Tak pasti.**

[Nota Keterangan SP4 ms 39 soalan 29, 30, 31, dan 33 Rekod Rayuan (Bahagian A - Jilid 1)]

[19] Rumusan mahkamah berdasarkan nota keterangan mendapati bahawa:

(i) Pernyataan saksi SP1, SP2, SP3 dan SP4 terdapat jawapan di mana perkataan demi perkataan adalah sama terutama berkaitan pemeriksaan premis responden;

(ii) Saksi-saksi tidak menafikan terdapat perbincangan dengan peguam dalam menyediakan pernyataan saksi ini;

(iii) SP2 dan SP4 menyatakan bahawa semasa perbincangan dengan peguam dalam penyediaan pernyataan saksi ini, saksi lain tidak ada tetapi SP3 pula menyatakan bahawa jawapan kepada soalan dalam pernyataan saksi tersebut adalah hasil perbincangan dan gabungan antara semua saksi yang hadir dalam perbincangan tersebut termasuk Nasruddin; dan

(iv) SP2 menyatakan tidak tahu manakala SP4 pula menyatakan tidak pasti apabila diminta penjelasan kenapa jawapan antara mereka adalah sama.

[20] Di dalam Kaedah-kaedah Mahkamah 2012, peruntukan yang berkaitan dengan pernyataan saksi (Witness Statement) adalah terdapat di dalam A. 38 k. (2)(1) yang memperuntukkan bahawa:

Evidence by witness statement (O. 38 r. 2)

(1) Notwithstanding rule 1, and unless otherwise provided by any written law or by these Rules, at the trial of an action commenced by writ, evidence-in-chief of a witness shall be given by way of witness statement and, unless the Court otherwise orders or the parties to the action otherwise agree and subject to such directions as the Court may make, such a witness shall attend trial for cross-examination and, in default of his attendance, his witness statement shall not be received in evidence except with the leave of the Court.

[21] Memandangkan bahawa pernyataan saksi tersebut akan menjadi keterangan saksi itu dalam pemeriksaan utama (evidence-in-chief), pernyataan saksi yang beliau berikan adalah tertakluk kepada apa yang beliau lihat, dengar dan sebagainya sepertimana jika beliau memberi keterangan secara lisan di mahkamah. Jika tidak, pernyataan saksi tersebut boleh dicabar terutama jika melibatkan keterangan dengar cakap (hearsay) dan lain-lain lagi. Di dalam s. 60 Akta Keterangan 1950 telah dihuraikan berkaitan keterangan lisan dan sepatutnya menjadi panduan dalam penyediaan pernyataan saksi ini. Antara lain dinyatakan bahawa:

> (1) Oral evidence shall in all cases whatever be direct, that is to say-
>
> (a) if it refers to a fact which could be seen, it must be the evidence of a witness who says he saw it;
>
> (b) if it refers to a fact which could be heard, it must be the evidence of a witness who says he heard it;
>
> (c) if it refers to a fact which could be perceived by any other sense or in any other manner, it must be the evidence of a witness who says he perceived it by that sense or in that manner;
>
> (d) if it refers to an opinion or to the grounds on which that opinion is held, it must be the evidence of the person who holds that opinion on those grounds.

[22] Di dalam kes ini, saksi-saksi SP1, SP2, SP3 dan SP4 memberikan pernyataan saksi dan dalam banyak hal terutama berkaitan pemeriksaan premis, mereka memberikan jawapan kepada soalan dalam pernyataan saksi tersebut dengan sama perkataan demi perkataan. Saksi-saksi perayu tidak dapat memberikan jawapan yang konkrit kenapa pernyataan saksi mereka berkaitan pemeriksaan premis adalah sama kecuali saya menerima keterangan SP3 bahawa terdapat perbincangan antara saksi yang dikendalikan oleh peguam dan jawapan kepada soalan dalam pernyataan saksi tersebut adalah "gabungan ketiga-tiga" (saksi). Oleh itu pada hemat saya pernyataan saksi-saksi perayu adalah disyaki dan perlu diteliti sewajarnya dari segi penerimaannya daripada aspek nilai keterangannya kerana walaupun keempat-empat mereka memasuki premis tersebut dan membuat pemeriksaan, tetapi kedudukan serta jarak mereka antara satu sama lain tidak memungkinkan mereka dapat memberikan keterangan tentang apa yang mereka lihat dengan sama. Oleh itu, nilai keterangan saksi-saksi SP1, SP2, SP3 dan SP4 ini adalah meragukan.

Kesimpulan

[23] Berdasarkan alasan yang saya nyatakan di atas, saya berpendapat bahawa rayuan perayu di dalam kes ini wajar ditolak dengan kos RM3,000. Keputusan Hakim Mahkamah Sesyen dengan ini dikekalkan.